

13 OCT 1997

Sabbaruddin

SABBARUDDIN: AUSTRALIA PASARAN PELANCONGAN PENTING UNTUK MALAYSIA

Oleh: Sobrey Jaafar

MELBOURNE, 13 Okt (Bernama) -- Australia ialah pasaran penting bagi industri pelancongan Malaysia dan tahun lepas sahaja telah menyaksikan 150,000 rakyat negara itu melawat Malaysia, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, di sini hari ini.

Berbagai langkah dan pendekatan telah dilakukan untuk menggalakkan rakyat Australia menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka, kata beliau kepada wartawan tempatan di sini sempena dengan "road show" Pesta Kebudayaan dan Makanan Malaysia di Australia dan New Zealand yang bermula di sini.

Pesta 10 hari itu yang bermula Jumaat lepas mempamerkan seni tarian, nyanyian makanan dan kraftangan Malaysia sebagai produk menambat hati "tetamunya".

Sabbaruddin yang tiba di sini pagi tadi (Isnin) mengetuai rombongan seramai 40 anggota mengandungi penari, pemuzik dari Kompleks Budaya Negara, dua penyanyi, dua cef dan pegawai-pegawai dari Lembaga pelancongan Malaysia.

Turut serta dalam rombongan itu ialah Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia, Datuk Dr Arshad Hashim dan anggota lembaganya Zainuddin Mohd Zain.

Pada pertemuan dengan wartawan tempatan itu, Sabbaruddin telah diujani soalan-soalan mengenai jerebu, Sukan Komanwel ke-16 di Kuala Lumpur, kejatuhan nilai ringgit dan juga kecemasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke atas pakar kewangan Amerika Syarikat (AS) George Soros.

Wartawan-wartawan itu mendakwa fenomena jerebu dan "serangan lidah" Dr Mahathir ke atas Soros akan menakutkan pelancong Australia untuk melawat Malaysia.

Sabbaruddin berkata masalah jerebu di Malaysia bukanlah disebabkan oleh kesilapan negara tetapi berpunca daripada kebakaran di Kalimantan, Riau dan Sumatera di Indonesia.

Presiden Suharto dari Indonesia telah meminta maaf dua kali berhubung dengan jerebu yang telah melanda negara-negara jiran seperti Brunei, Singapura, Filipina, Thailand dan Malaysia.

"Saya tidak boleh berjanji atau memberi jaminan kepada anda bahawa jerebu tidak akan melanda lagi di masa depan terutamanya ketika berlangsungnya Sukan Komanwel, tetapi apa yang saya boleh memberitahu anda ialah jerebu adalah fenomena sementara dan dalam dua tiga hari ini, langit biru kelihatan semula di Malaysia," katanya.

Beliau juga memberitahu para wartawan itu bahawa rekod tidak menunjukkan ada kematian disebabkan oleh jerebu di Malaysia.

Sabbaruddin juga berkata beliau kecewa dengan cara media asing membuat laporan mengenai jerebu dan beberapa isu lain mengenai Malaysia kerana ia memburukkan imej negara.

Ketika masalah jerebu memuncak semua akhbar tempatan dan luar negara menjadikannya tajuk berita tetapi apabila jerebu berakhir tidak ada yang melaporkannya dan ini salah kerana pembaca mungkin fikir masalah itu belum reda dan mereka akan membatalkan rancangan mereka untuk melawat Malaysia," katanya.

"Ya, semasa jerebu dalam bulan Septem dan sehingga beberapa hari lepas, kita menerima banyak pembatalan dan saya berharap untuk melihat lebih banyak ketibaan sedikit masa lagi," kata beliau kepada soalan mengenai pembatalan lawatan ke Malaysia dari seluruh dunia sewaktu keadaan jerebu

memuncak itu.

Sabbaruddin berkata beliau menjangka pengurangan sebanyak antara 30 hingga 40 peratus ketibaan pada bulan itu dibandingkan dengan tempoh sama tahun lepas.

Mengenai Sukan Komanwel, beliau berkata lebih dari RM1.6 bilion telah dibelanjakan oleh Malaysia untuk mengadakan kemudahan-kemudahan baru untuk sukan antarabangsa kedua terbesar itu.

Katanya kemudahan-kemudahan seperti stadium-stadium dan yang lain-lain telah hampir siap dan bersedia untuk digunakan untuk sukan itu.

Pesta itu telah mendapat sambutan hangat di sini dan malam ini Sabbaruddin akan meraikan 400 tetamu pada acara kemuncaknya yang dinamakan Malam Malaysia. Para tetamu itu terdiri dari pemain utama dan perancang industri layanan Australia.

Sabbaruddin dan rombongan berlepas ke Auckland esok untuk promosi yang sama di New Zealand. -- BERNAMA

SJA WAT